

Tadabbur & Tadzakkur Al-Quran Muballighat

Muka surat 115
Surah Al Maidah
Ayat 42- 45
18 Zulkaedah 1447 H
6 Mei 2026 M

Oleh : **Fatimah Salleh**

Sinopsis Ayat 42- 45

▶ . Ayat 42: Sifat buruk Yahudi : Suka Mendengar Dusta & memakan harta haram

Ayat 43: Mengapa Minta Keputusan Nabi Sedangkan Ada Taurat?

Ayat 44: Ancaman Tidak Berhukum Dengan Apa Yang Diturunkan Allah

Ayat 45: Hukum Qisas dan Keadilan

سَمَّعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْلُونَ لِلسُّحْتِ ۖ فَإِن جَاءوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُم أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۗ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرَّوكَ شَيْئًا ۗ وَإِن حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِالقِسْطِ ۗ إِنَّ اللّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ (Ayat 42)

- ▶ Maksudnya: Mereka itu adalah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan hukum), maka putuskanlah (perkara itu) diantara mereka, atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan memberi mudharat kepadamu sedikit pun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) diantara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.
- ▶ Golongan Yahudi itu suka mendengar kebatilan. Seperti kata-kata ahli agama mereka walaupun berlawanan dengan Kitab Taurat mereka sendiri. Ini adalah pengajaran bagi umat Islam supaya jangan jadi seperti mereka. Contoh perkara tidak boleh dengar-perkara tidak tsabit dalam hal agama, dan tidak ada dalil.
- ▶ Lafaz سُحْتٍ (suhut) nama lain bagi 'haram', tetapi khusus haram yang berkaitan wang.
- ▶ Makan haram menyebabkan gelap hati. Sebab itu kebanyakan orang Yahudi tidak dapat kelebihan agama kerana mereka telah lama mengamalkan سُحْتٍ
- ▶ Suhut juga bermaksud 'rasuah'. Pemuka agama Yahudi sanggup menerima rasuah untuk mengeluarkan hukum yang kena dengan nafsu mereka

فَإِنْ جَاءوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا

- ▶ “Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan hukum), maka putuskanlah (perkara itu) diantara mereka, atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan memberi mudharat kepadamu sedikit pun”.
- ▶ Sekiranya kaum yahudi datang meminta hukum kepada Baginda, Allah beri pilihan dua pilihan baginya:
 - i- Terima mereka & hukumlah di antara mereka dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah. Nyatakan hukuman pertanyaan mereka sebagaimana dalam al-Quran.
 - ii- Atau berpaling dari mereka; yakni tak perlu layan/ jawab pertanyaan mereka. Kebiasaan yahudi datang jumpa Rasulullah bukan nak mencari kebenaran tetapi nak cari hukum yang lebih ringan daripada apa yang ada dalam Taurat
- ▶ Jika engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun. kerana mereka bukannya mahu mencari hukum cuma mahu mencari kepentingan dan keringanan sebagaimana dalam ayat (41)

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

► Dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil

Wajib berlaku adil dalam berhukum, menjatuhkan hukuman kepada sesiapa saja, dilarang pilih kasih

Sebagaimana hadis Rasulullah SAW menegur para sahabat yang cuba bertolak ansur tentang anak orang besar mencuri pada zamannya.

Juga Yahudi conteng muka orang yang berzina sebagai ganti kepada hukum rejam kerana nak jaga kepentingan orang besar yang berzina di kalangan mereka

“Allah suka kepada orang yang adil”. Ayat ini galakan untuk kita berlaku adil dalam semua perkara. Allah sendiri Maha Adil & suka kepada orang yang berlaku adil

Oleh itu, berlaku adillah dalam semua perkara & urusan : Dalam hukuman, kasih-sayang, memilih kawan dan semuanya!

Konsep Adil

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ ►

- Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan.*” (Surah al-Nahl: 90)
- Syeikh al-Sa’di menyatakan bahawa **berlaku adil adalah wajib**, sedangkan berbuat baik (Ihsan) merupakan nilai tambah yang disunatkan seperti manusia memberi manfaat dengan hartanya atau jasadnya atau ilmunya atau lain-lain perkara yang bermanfaat. (Lihat *Tafsir al-Sa’di*, hlm. 447)
- Amr bin Bahr al-Jahizh mendefinisikan keadilan sebagai: **Menggunakan semua perkara pada tempat yang sepatutnya**, waktu yang tepat, tujuan yang benar, kadar yang bersesuaian tanpa pembaziran, tanpa kekurangan, tanpa mengawalkan dan tanpa melewatkan. (Lihat *Tahdzib al-Akhlaq*, hlm.28)
- Dalam Islam, "adil" ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Kewajipan berlaku adil tidak hanya kepada pemimpin, bahkan dalam sekecil-kecil perkara yang kita lakukan dalam seharian kita. Solat pada waktunya, menepati masa, hak orang lain dijaga, meletakkan kereta di tempat yang sepatutnya, menunaikan amanah kerja, tidak membuang sampah merata-rata, menjaga kata-kata dan seumpamanya
- Kalau perkara sebegini pun kita tidak mampu untuk berlaku adil, bagaimana melaksanakan keadilan dalam skop yang lebih luas?.

وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِنْدَهُمُ التَّورَةُ فِيهَا حُكْمُ اللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ ۗ

(Ayat 43) وَمَا أَوْلَاكَ بِالْمُؤْمِنِينَ

- ▶ Dan bagaimanakah mereka mengangkatmu menjadi hakim mereka, padahal mereka mempunyai Taurat yang di dalamnya (ada) hukum Allah, kemudian mereka berpaling sesudah itu. Dan mereka sungguh-sungguh bukan orang yang beriman.
- ▶ Bagaimana mereka sanggup hendak jadikan Nabi sebagai hakim, sedangkan sudah ada Kitab Taurat di sisi mereka. Di dalam Kitab Taurat itu pun sudah ada hukum Allah . Sepatutnya mereka ikut sahaja hukum yang ada dalam kitab mereka itu
- ▶ **كَمُذِيبٍ يَسْتَكْبِرُونَ** Kemudian mereka berpaling sesudah itu.
- ▶ Mereka memang sudah ada Kitab, tetapi mereka sengaja tidak mahu beramal. Mereka itu memang degil, sudah ada kitab, tetapi tidak menggunakannya
- ▶ **Mereka tanya tentang hukum kepada Nabi hanya kerana hendak mencari kalau-kalau ada hukuman yang ringan**
- ▶ Sebagai contoh, hukum rejam kepada pezina yang sudah berkahwin. yang memang ada hukum itu dalam Taurat. Tetapi apabila mereka baca Taurat, mereka tutup bahagian rejam. mereka hendakkan kelonggaran selain nya. Mereka juga hendak mencari-cari keputusan yang sesuai dengan hawa nafsu mereka. Sekiranya Nabi beri keputusan yang tidak sesuai dengan nafsu mereka, mereka tidak akan menggunakan keputusan tersebut
- ▶ Allah beritahu kita yang mereka itu bukan beriman. Mereka mengaku mereka beriman, akan tetapi sebenarnya tidak

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۖ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ ۗ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَاخْشَوْنِي وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ (Ayat 44)

Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan Kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendeta-pendeta mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Kerana itu janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.

- ▶ Allah menjelaskan kedudukan kitab taurat, seperti kitab wahyu yang lain (diturunkan kepada nabi Musa)., perlu hormat dan ikut hukum-hukum yang disampaikan..
- ▶ Di dalamnya mengandung kebenaran, petunjuk dan cahaya keimanan yang menerangi bagi mereka yang beriman dan percaya kepadanya. (Namun sekarang, semua manusia hendaklah mengikuti Al-Qur'an)

يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ
اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ ۚ

Para nabi telah melaksanakan hukum Taurat, menjalankan undang-undang yang ada di dalamnya dengan tetap ke atas orang yahudi yang telah menyerah diri kepada Allah tanpa tukar dan seleweng.

Kemudian selepas nabi mereka tiada, maka para ulama'-ulama' mereka {وَالرَّبَّانِيُّونَ} dan pendeta-pendetanya {وَالْأَحْبَارُ} yang diamanahkan untuk menjalankan hukum Allah yang ada dalam kitab Taurat.

{وَالرَّبَّانِيُّونَ} : Mereka ialah semua ulama' yang menjadi pendidik iaitu orang alim yang bijak, orang faqih yang takut kepada Allah, ahli ibadat yang ikut perjalanan kitab, pandai mentadbir & bijak sebagai pendidik & guru yang mendidik manusia daripada kanak-kanak sehingga dewasa.

{وَالْأَحْبَارُ}: ialah khas kepada ulama' atau pendeta dari kalangan yahudi yang alim, yang tahu kitab, Mereka diberi amanah untuk jaga kitab Allah ini

Tugas mereka juga ialah menjadi saksi {شُهَدَاءَ} bahawa kitab Allah ini benar yang diturunkan oleh Allah SWT & di dalamnya terdapat hukum-hakam dari Allah SWT, yang tidak boleh ditukar, di seleweng dan sembunyikannya

Inilah tugas alim ulama' dan pendakwah yang sebenarnya

فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُونِ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ

- ▶ “janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit”.
- ▶ Pesanan Allah kepada alim ulama’ supaya jangan takut untuk menyatakan kebenaran demi menjaga kedudukan dan kepentingan diri tetapi takutlah hanya kepada Allah SWT
- ▶ Walaupun ayat ini diturunkan kepada ulama’ yahudi pada zaman Nabi SAW tetapi ia juga peringatan kepada semua ulama’ yang ada sekarang supaya jangan takut kepada orang untuk nyatakan kebenaran. jangan sembunyikan hukum demi menjaga kedudukan
- ▶ Hadis riwayat dari Abu Said al-Khudri RA : *“Janganlah sekali-kali kegerunan seseorang kepada manusia menegahnyanya untuk menyatakan kebenaran apabila ia mengetahuinya.”* (HR at-Tirmizi).
- ▶ Kata-kata Abu Said al-Khudri RA: *Kita melihat banyak perkara mungkar tetapi kita takut untuk menyatakan atau mengingkarinya! Lalu dia menangis*
- ▶ Larangan kedua ialah jangan kamu jual ayat-ayat Allah SWT dengan harta benda dunia. Iaitu janganlah kamu menjual iaitu membelakangkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit seperti kerana mendapat rasuah, hulu bodek, kerana nak pangkat atau kedudukan dan lain-lain keuntungan dunia, lalu sanggup sembunyikan kebenaran atau tidak menegur kesalahan

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ (Ayat 44)

- ▶ Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah sama ada dalam al-Quran atau Taurat, kerana mengingkarinya; maka mereka itulah orang-orang kafir.
- ▶ Syarat menjadi kafir :
Tidak melaksanakan hukum yang ada dalam kitab Allah seperti kaum yahudi dengan Tauratnya. Mereka ubah tukar, seleweng dan sembunyikannya
- ▶ Huraian ulama' tentang berhukum dengan undang-undang selain hukum Allah
- ▶ i- perbuatan itu menjadikan mereka murtad & keluar dari agama Islam iaitu: Orang yang membenci agama Allah seperti mengatakan ia lapuk, tidak mengikut peredaran zaman dan seumpamanya. Atau mengatakan undang-undang ciptaan yang lain lebih baik dari undang-undang Allah.
- ▶ ii- Tidak keluar dari Islam tetapi tetap berdosa besar dan akan berada di bawah kehendak Allah sama ada nak mengampunkannya atau tidak. Iaitu mereka yang tidak ambil hukum Allah dalam bab tertentu Mereka ini tak laksana hukum Allah kerana kelemahan tetapi masih mengaku bahawa hukum Allah adalah yang terbaik & benar.

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ
بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۖ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ ۗ
(Ayat 45) وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

- ▶ Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya bahawasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka (pun) ada qisasnya. Barangsiapa yang melepaskan (hak qisas)nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan (menghukum) perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.
- ▶ Allah nyatakan beberapa hukum yang Allah telah tetapkan dalam kitab Taurat iaitu: Jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas dengan seimbang. Ini adalah hukum qisas, balas seumpamanya.
- ▶ Kalangan Jumhur ulama' ahli usul dan ahli ilmu fiqih menyimpulkan dalil daripada ayat ini, bahawa syariat umat sebelum kita adalah syariat kita juga apabila diulangi kisahnya dan tidak *di-Mansukh* (Ahli Kitab dan juga kepada kita - hukum yang ada di dalam Taurat dan terdapat dalam Al-Qur'an)
- ▶ Nyawa dibalas dengan nyawa, iaitu orang yang membunuh itu akan dibunuh kembali. Bukannya diganti dengan orang lain
- ▶ Bani Nadhir telah mencipta hukum baru

Antara Contoh hukum yang diubah Yahudi

- ▶ Tukar hukum zina daripada rejam kepada conteng muka dan mengarak (usung)seluruh bandar & disebat.
- ▶ Berbeza mengikut darjat. (**Bani Nadhir** kedudukan yang lebih tinggi (mulia) daripada Bani Quraizah menurut adat mereka).
- ▶ Sekiranya Seorang lelaki dari Bani Quraizah telah membunuh seorang lelaki dari Bani Nadhir. Bani Nadhir menuntut diyat dua kali ganda daripada diyat biasa, sebagai balasan darah pembunuh tersebut.
- ▶ **Bani Nadhir telah mencipta hukum baru:**
- ▶ Jika wanita Bani Nadhir yang dibunuh, lelaki daripada Bani Quraizah yang menjadi gantinya.
Jika lelaki Bani Nadhir yang dibunuh, dua lelaki daripada Bani Quraizah yang akan dibunuh balik.
Jika hamba Bani Nadhir yang dibunuh, orang merdeka daripada Bani Quraizah yang akan dibunuh balik.

فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ

- ▶ Barangsiapa yang melepaskan (hak qisas)nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya.
- ▶ Allah beri pengecualian bahawa sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, yakni memaafkan penjenayah itu, maka ia menjadil penebus dosa baginya.
- ▶ Sesiapa yang dimaafkan, maka dia dikehendaki membayar diyat (hak pihak yang terbunuh.) kepada orang yang dizalimi itu. Pembayaran diyat itu sebagai penutup dosa bagi dia. Ia juga dipanggil *kaffarah*.
- ▶ Dan mereka yang memaafkan, akan mendapat pahala kerana memberi maaf itu. Juga bermaksud, apabila seseorang itu memberi maaf, dosanya akan diampunkan kerana memberi maaf itu.
- ▶ Diyat di kalangan ulama' Syafi'iyyah adalah: "Harta yang wajib disebabkan perlakuan jenayah terhadap orang yang merdeka samaada kehilangan nyawa ataupun yang lebih rendah daripadanya." (Lihat *I'anat al-Talibin*, 4/138). (sebagai tebusan nyawa atau sesuatu yang setaraf dengannya)

Pembahagian jenayah membunuh menurut Hukum

Syarak (<https://emushkil.muftiselangor.gov.my>)

- ▶ Membunuh dengan sengaja: iaitu membunuh dengan niat, dengan menggunakan sesuatu yang pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian. Hukumannya adalah qisas, iaitu pembunuh dihukum bunuh. Seandainya waris memilih untuk menerima bayaran *diyah*, maka wajiblah pembunuh membayar *diyah mughallazah* serta kafarah.
- ▶ Membunuh seumpama sengaja: iaitu membunuh dengan niat, dengan menggunakan sesuatu yang pada kebiasaannya tidak menyebabkan kematian. Hukumannya adalah pembunuh perlu membayar *diyah mughallazah* serta kafarah.
- ▶ Membunuh dengan tidak sengaja: iaitu membunuh tanpa ada niat berbuat sedemikian. Hukumannya adalah membayar *diyah mukhaffafah* dan kafarah.
- ▶ Kewajipan membayar kafarah bagi kesalahan membunuh dengan tidak sengaja adalah berdasarkan kepada firman Allah swt di dalam surah Al-Nisa': 92:
- ▶ **Bentuk Kaffarah Membunuh: Memerdekakan seorang hamba yang beriman** (jika ada dan mampu). Jika tidak mampu memerdekakan hamba, wajib **berpuasa dua bulan berturut-turut**. Selain kaffarah (puasa/hamba), pembunuh juga wajib membayar **diyat** (ganti rugi/pampasan) kepada waris mangsa, melainkan jika waris memaafkannya
- ▶ Mughallazah (untuk bunuh sengaja/separuh sengaja) wajib dibayar tunai 100 unta Mukhaffafah (untuk bunuh tidak sengaja) 100 unta dibayar ansur 3 tahun

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

- ▶ Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum yang Allah telah berikan, itu adalah sebagai perbuatan yang zalim.
- ▶ Ayat ini tentang keadilan dan ia merupakan perbuatan yang zalim apabila tidak melakukan keadilan kerana ada hak orang yang tidak dipenuhi.
- ▶ Iaitu orang yang sepatutnya mendapat hak untuk balas balik, tidak mendapat hak tersebut.
- ▶ Begitu juga kita telah tidak taat kepada Allah kerana hukum Allah telah diberikan, namun tidak digunakan, maka itu adalah kezaliman

Resolusi surah Al –Maidah ayat 42-45 halaman 115

- Mengambil Ibrah agar orang beriman jangan mengikut & meniru sifat orang Yahudi
- Suka dengar pendustaan, segala yang palsu, bohong & dusta
- Ada kitab Taurat tetapi putarbelit/selewengkannya
- Terima sekiranya sesuai dengan nafsu & kehendak mereka

Wajib berlaku adil, walaupun terhadap musuh. Ia menjamin hak mangsa dan mendisiplinkan pelaku jenayah

Hukum Allah adalah sempurna. Mengabaikan atau menukar hukum Allah adalah perbuatan kafir/zalim/fasik

Doa Berlindung Daripada Maksiat

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ سَمْعِي
وَمِنْ شَرِّ بَصَرِي وَمِنْ شَرِّ لِسَانِي
وَمِنْ شَرِّ قَلْبِي وَمِنْ شَرِّ مَنِّي

"Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan **pendengaranku**, kejahatan **pandanganku**, kejahatan **kata-kataku**, kejahatan **hatiku** dan kejahatan **kemaluanku**."

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 1551 & al-Tirmizi, no. 3492)



Facebook Instagram Twitter YouTube | My #HadithTime

- ▶ Oleh itu : Jaga Mata dari melihat yang sia-sia. Jaga Telinga dari mendengar yang sia-sia. Jaga Mulut dari berkata yang sia-sia. Jaga Tangan dari melakukan yang sia-sia. Jaga Kaki dari berjalan ke tempat yang sia-sia. Jaga Hati dari niat yang sia-sia. - Hasan Al-Bashri

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

Rasulullah s.a.w bersabda: Jika seseorang berkata kepada saudaranya "Jazaakallah khairan" (semoga Allah membalasmu dengan kebaikan), maka ia telah memujinya dengan setinggi-tingginya. (H.R. Thabrani)

Dari Usamah bin Zaid r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang diberikan satu perbuatan kebaikan kepadanya lalu dia membalasnya dengan mengatakan: "Jazaakallahu khair" (semoga Allah membalasmu dengan kebaikan), maka sungguh hal itu telah mencukupi dalam menyatakan rasa syukurnya. (H.R. Tirmidzi, An-Nasai, Al-Maqdisi, Ibnu Hibban, Al-Bazzar)